



## **Rawatan Antiretroviral**

Oleh Bronner Gonçalves

Perkembangan rawatan antiretroviral (ART) merupakan salah satu kenyataan penting dalam sejarah dunia perubatan.. ART adalah sejenis rawatan utama HIV/AIDS. Walaupun ia tidak memulih, ia telah mengubah perkembangan penyakit HIV.

Terdapat pelbagai jenis formulasi antiretroviral yang dihasilkan untuk bertindak pada peringkat-peringkat yang berlainan dalam tempoh hidup HIV. Kumpulan utama ubat anti-HIV adalah: Nucleosid/Nucleotid Reverse Transcriptase Inhibitors dan Fusion atau Entry Inhibitors. Analog Nucleosid adalah kelas pertama ART yang dihasilkan, pada akhir 80-an. Tetapi kadar rawatan berkesan bertambah baik menjelang pertengahan 90 an, apabila pakar perubatan mula menggunakan kombinasi dua atau lebih jenis rawatan.. Sebab-sebab kombinasi ubat yang dipanggil 'koktel' ini lebih berkesan daripada hanya sejenis rawatan adalah kerana kadar tinggi mutasi HIV yang menjadikannya mudah menentang rawatan. Lebih daripada 20 jenis rawatan kini telah dilesen, termasuk formulasi individu dan kombinasi agen antiretroviral.

Petunjuk untuk rawatan antiretroviral adalah berdasarkan penilaian klinikal, beban virus, dan jangka-kira CD4+. Ketiga-tiga faktor ini digunakan untuk mengenalpasti sama ada rawatan patut dimulakan atau ditangguh. Risiko AIDS harus dibandingkan dengan risiko kesan sampingan jangka lama dan mutasi virus. Ia adalah sukar untuk penduduk dari masyarakat yang berbeza untuk memahami bahawa bukan semua pesakit yang dijangkit HIV memerlukan rawatan serta-merta. Terdapat juga mereka yang takut akan AIDS yang juga takut akan rawatan antiretroviral. Pada pendapat mereka, sekiranya mereka perlu mengambil ubat, mereka sudahpun tiba di pada penghujung hidup. Ini tidak

benar. Terdapat juga antara mereka yang berpendapat bahawa rawatan ART akan merampas kebolehan mereka untuk bekerja kerana terpaksa sering ke hospital dan membazir masa menerima rawatan. Ini juga bukan kenyataan yang benar. Ubat Antiretroviral diambil sebagai pil dan pesakit dapat meneruskan hidup mereka seperti sedia-kala.

Bilakah ubat antiretroviral harus diubah? Ini adalah biasa untuk 50% daripada pesakit dalam tahun pertama dan tiga sebab ini berlaku adalah: kesan sampingan yang teruk (seperti cirit-birit, polyneuropathy, anemia, pankreatitis, antara lain-lain), kegagalan rawatan virus, dan keracunan jangka lama.

Walaupun pengeluaran ubat antiretroviral (ART) telah mengubah rawatan HIV/AIDS, memanjangkan tempoh hidup pesakit, kos yang tinggi masih menjadi masalah di negara-negara membangun. . Menurut UNAIDS, pada 2006, terdapat 39.5 juta pesakit HIV di dunia, di mana majoriti yang besar tinggal di negara berpendapatan rendah. Hanya sebilangan kecil pesakit-pesakit ini menerima rawatan ART. Rawatan efektif HIV/AIDS memerlukan ART sebagai pilihan. Sekiranya mereka yang dijangkiti HIV/AIDS tidak dapat menerima rawatan antiretroviral, jangka hidup mereka akan menjadi terlalu singkat.